

Buku Teks Pendidikan Seni Visual Tingkatan 2 ini ditulis berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Seni Visual Tingkatan 2. Kandungan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Pendidikan Seni Visual terbahagi kepada lima bidang utama pembelajaran, iaitu Sejarah dan Apresiasi Seni Visual, Seni Halus, Reka Bentuk, Seni Kraf dan Komunikasi Visual. Tajuk yang dipelajari dalam setiap bidang tersebut adalah seperti di bawah:

Bidang	Tajuk
<b>Sejarah dan Apresiasi Seni Visual</b>	1. Seni Ragam Hias Pengangkutan, Alat Permainan Rakyat dan Alat Domestik
<b>Seni Halus</b>	2. Seni Lukisan
	3. Seni Catan
	4. Seni Cetakan
<b>Reka Bentuk</b>	5. Reka Bentuk Landskap
	6. Reka Bentuk Hiasan Dalaman
	7. Reka Bentuk Industri
<b>Seni Kraf</b>	8. Seni Sulaman
	9. Seni Seramik
<b>Komunikasi Visual</b>	10. Seni Reka Grafik
	11. Seni Foto

## BIODATA PENULIS

### **PROF. MADYA DR. MD NASIR BIN IBRAHIM**

Mengikuti program Postdoktoral di Sheffield Hallam University, United Kingdom; berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah dari University of Tasmania, Australia; Ijazah Sarjana dari McGill University, Kanada; Ijazah Sarjana Muda (Seni Halus), dari Universiti Sains Malaysia, Diploma Perguruan Seni Lukis dari Universiti Teknologi MARA dan Diploma Pengurusan dari Institut Aminuddin Baki. Beliau berpengalaman sebagai Pensyarah Akademik selama 15 tahun, sejak tahun 2002 dan pernah menjadi guru selama 13 tahun.

### **DR. MAZLAN HJ. A. KARIM**

Berkeputusan Diploma Pendidikan (PSV dan PJK) dari Universiti Teknologi Malaysia; Ijazah Sarjana Muda Seni Lukis dan Seni Reka (Seni Halus), Seni Cetak dan Catan dari Universiti Teknologi MARA serta Ijazah Sarjana (Seni Halus) Seni Cetak dan Doktor Falsafah dalam bidang yang sama dari Universiti Sains Malaysia. Beliau berpengalaman sebagai Pensyarah Akademik selama 12 tahun, sejak tahun 2005.

### **ZAIYANA BINTI MAHBIB**

Berkeputusan Diploma Pendidikan Seni, Ijazah Sarjana Muda Seni Reka Seramik dan Ijazah Sarjana Pendidikan Seni Visual dari Universiti Teknologi MARA. Beliau sedang melanjutkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah dalam bidang pendidikan di Universiti Tun Hussein Onn. Beliau berpengalaman mengajar mata pelajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah menengah selama 20 tahun sejak tahun 1997. Kini beliau bertugas sebagai Pensyarah Akademik dalam bidang Pendidikan Seni Visual.

### **FARIDAH BINTI IBRAHIM**

Berkeputusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dalam bidang Bahasa Malaysia dari Universiti Pertanian Malaysia (UPM) dan Diploma Perguruan dalam bidang Pendidikan Seni dan Bahasa Melayu dari Maktab Perguruan Ilmu Khas (MPIK). Beliau berpengalaman mengajar mata pelajaran Pendidikan Seni Visual selama 31 tahun, sejak tahun 1986.

Ingin dimaklumkan terdapat beberapa kandungan dalam QR Code dalam buku ini tak dapat diakses kerana **Google+** sudah tidak aktif lagi. Pengguna boleh mengimbas QR Code ini untuk melihat kandungan QR Code halaman berkenaan.



<http://bit.ly/3qKaAMN>